



Etnik dan pembentukan landskap budaya Malaysia: Seni anyaman tikar orang Ulu Sarawak

Salmah Omar¹, Philip Lepun², Ribka Alan²

Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia, ²Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu Sarawak

Correspondence: Salmah Omar (email: salmahomar75@gmail.com)

Abstrak

Situasi budaya di Malaysia amat unik kerana setiap etnik yang ada mempusakai tradisi budaya masing-masing yang berbeza antara satu sama lain. Oleh demikian, adalah amat penting untuk memahami dan menonjolkan identiti setiap etnik agar dapat dikongsi bersama-sama oleh semua kaum di Malaysia. Negeri Sarawak mempunyai 27 kumpulan etnik yang mengamalkan bahasa, budaya dan cara hidup mereka yang tersendiri. Mengikut bancian tahun 2000 terdapat seramai 91,883 orang Ulu yang mewakili lima peratus daripada jumlah penduduk Sarawak. Masyarakat Orang Ulu terdiri daripada Kenyah, Kayan, Kelabit, Lun Bawang, Bisaya, Kajang Penan, Lahanan dan Ukit. Masyarakat Orang Ulu bergantung sepenuhnya kepada kepintaran tangan mereka untuk memenuhi keperluan kegiatan ekonomi dan sosial. Antara kegiatan kraftangan mereka ialah menganyam, mengukir, mencacah badan (tatu), membuat perhiasan daripada manik. Masyarakat umum masih kurang mengetahui dan memahami aspek seni kraftangan masyarakat Orang Ulu. Justeru, kajian ini dilakukan bagi meneliti seni anyaman tikar masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Seni anyaman dilihat sebagai satu seni budaya yang didasari oleh ilmu, adat, kepercayaan dan amalan tradisi yang diwarisi sejak turun temurun.

Katakunci: anyaman tikar, etnik, landskap budaya, Orang Ulu, seni budaya, warisan budaya

Ethnicity and the shaping of the Malaysian cultural landscape: The art of mat weaving of the Ulu Sarawak people

Abstract

Malaysia is multi-ethnic and multi-cultural, and the shaping of the Malaysian cultural landscape necessitates the understanding and appreciation of each of its ethnics' cultural heritage and tradition. The state of Sarawak is inhabited by 27 ethnic groups that practice their own language, culture and way of life. Its Orang Ulu community relies heavily on the ingenuity of their hands to meet both their economic and social needs. This study examined the mat weaving art of the Orang Ulu which embodied a cultural art defined by their own knowledge, customs, beliefs and traditional practices passed on from generation to generation. The conclusion was that this cultural product of the Orang Ulu would need further promotions in the way of modern technology and commercialization in order to really benefit the community that produced it.

Keywords: cultural art, cultural heritage, cultural landscape, ethnicity, mat weaving, Orang Ulu

Pengenalan

Kraftangan yang terdapat dalam kalangan 26 suku kaum di Sarawak merupakan satu seni yang melambangkan budaya, kepercayaan dan kreativiti yang hidup di dalam etnik dan kaum yang memilikinya. Seni artistik yang ditonjolkan pada produk akhir kraftangan menunjukkan bahawa masyarakat dan pembuatnya telah dapat menjiwai kemahiran tersebut yang boleh dilihat melalui warna, corak, susunan dan kehalusan kerja tangan mereka. Hasil pembuatan seni halus ini jelas mengangkat idea dan ketabahan pembuatnya yang akhirnya menjadi idaman agar kraftangan yang dihasilkan difahami dan dihargai oleh pemilik akhirnya nanti. Pua kumbu, tikar rotan, bakul bemban, ukiran kayu, tembikar dan manik merupakan sebahagian daripada produk kraftangan yang begitu sinonim dengan Bumi Kenyalang. Motif-motif tertentu diterapkan bagi melambangkan identiti setiap etniknya yang banyak dipengaruhi oleh persekitaran dan kepercayaan mereka.

Faridah dan Rahah (2011) memetik daripada Sulaiman (1989), bahawa kraftangan didefinisikan sebagai aktiviti atau kegiatan penghasilan produk:

- daripada hobi atau kegiatan kegemaran individu
- yang berbentuk tradisional yang dihasilkan secara tradisional dan digunakan secara turun-temurun
- yang mempunyai fungsi tertentu
- *artycraft* – barangan yang dibuat yang mempunyai nilai seni yang sangat tinggi
- kraf komersial – barangan untuk dijual

Begitu juga halnya dengan setiap produk seni kraf yang dihasilkan di Sarawak. Ia direka khas untuk fungsi dan tujuan yang tertentu termasuklah untuk perhiasan, kegunaan harian sehinggalah untuk upacara-upacara ritual yang masih diamalkan oleh segelintir masyarakatnya. Seni tangan yang begitu halus dan unik ini adalah faktor yang membuatkan seni kraftangan Sarawak diangkat sebagai antara yang terbaik di dunia.

Kekayaan seni yang dihasilkan oleh setiap suku kaum di Sarawak telah menghasilkan satu variasi seni yang sangat dibanggakan dan telah mencorakkan budaya dan keunikan negeri Sarawak. Kraftangan yang dijual di pasaran di negeri Sarawak dikategori kepada yang berikut:

- a. Tenunan
- b. Anyaman
- c. Ukiran
- d. Cecahan
- e. Manik

Penghasilan kraftangan kini telah banyak dipengaruhi oleh kehadiran teknologi moden seperti peralatan dan mesin yang telah diperkenalkan kepada pembuat produk kraftangan banyak membantu mereka mempermudah kaedah pembuatan yang sebelumnya dilakukan secara manual atau secara tradisional. Pengubahsuaian serta pengadaptasian motif-motif tradisional dalam produk kraf yang bercirikan kontemporari membayangkan kewujudan perubahan dalam perkembangan seni kraftangan di Sarawak.

Daripada aspek penggunaan bahan pula, dahulunya bahan-bahan semulajadi yang mudah didapati di kawasan persekitaran dan penempatan sesebuah masyarakat seperti buluh, kayu, bemban dan rotan lazimnya digunakan dalam pembuatan produk kraf. Namun kini, jika diperhatikan, produk kraftangan yang terdapat di pasaran pada masa sekarang lebih terarah dan menjurus kepada penggunaan bahan campuran; semulajadi dan bahan plastik. Malah ada juga produk kraf ini yang menggunakan sepenuhnya bahan plastik. Kurangnya keperihatinan masyarakat sekarang untuk mengambil tahu tentang asal usul seni bangsa mereka serta memahami maksud di sebalik motif, kaedah pembuatan, pemilihan bahan, bentuk dan fungsi sesuatu produk kraftangan mendorong pengkaji melihat kepada signifikannya kajian ini.

Kawasan dan kaedah kajian

Kajian dilakukan di kawasan Penempatan Semula Asap Koyan Belaga (PSAKB) di daerah Belaga yang mempunyai keluasan 19,403.27 km persegi. Daerah Belaga merupakan sebuah daerah terpencil di dalam bahagian Kapit di negeri Sarawak dengan jumlah penduduk ialah seramai 22,846 orang yang tinggal di 62 buah rumah panjang atau kampung. Daerah Belaga bersempadan dengan daerah Baram, Bintulu, Tatau, Kapit dan Kalimantan Tengah Indonesia. PSAKB dibangunkan pada tahun 1996 bagi menampung keperluan asas penduduk di Hulu Balui yang dipindahkan kerana kawasan mereka termasuk dalam Projek Empangan Hidro Elektrik Bakun.

Kajian ini tertumpu di 15 buah kampung di PSAKB iaitu Uma Kulit, Uma Belor, Uma Daro, Uma Nyaving, Uma Kelap, Uma Lahanan, Uma Bawang, Uma Balui Ukap, Uma Balui Liko, Uma Bakah, Uma Badang, Uma Penan, Uma Juman, Uma Lesong dan Uma Ukit. Penduduk di 15 kampung ini terdiri daripada etnik Kenyah, Kayan, Penan, Lahanan dan Ukit dengan bilangan keluarga seramai 2,092 orang.

Kajian ini memfokuskan kepada pembuatan tikar masyarakat Orang Ulu yang terdapat di daerah Belaga, Sarawak. Mereka bergantung sepenuhnya kepada kepakaran tangan mereka untuk menghasilkan barangan keperluan seharian. Hampir semua barangan yang dihasilkan oleh masyarakat Orang Ulu adalah untuk memenuhi keperluan harian terutamanya dalam kegiatan ekonomi dan sosial. Contoh kemahiran kraftangan yang masih dipelopori adalah menganyam, mengukir, mencacah badan (tattoo), membuat perhiasan daripada manik dan kelengkapan pakaian wanita dan lelaki.



Nama tempatan: Bat (Kenyah Lebu' Kulit); Pat (Badeng); **Nama Melayu:** Tikar

Tikar

Tikar dalam kalangan Orang Ulu merupakan satu hasil kraftangan yang dihasilkan daripada sama ada anyaman rotan, bemban, buluh atau pandan. Tikar merujuk kepada anyaman rotan yang berbentuk segi empat sama atau segi empat tepat. Tikar dalam erti kata sebenar Orang Ulu merupakan satu alas yang digunakan untuk tidur atau tempat duduk yang dipanggil "Bat/Pat" dan "Bat/Pat Dapit". Penggunaannya adalah lebih kepada tempat tidur atau katil dan ruang tamu atau di berandah di mana kebiasaannya untuk bersembang dengan tetamu atau pengunjung. Tikar biasanya berbagai saiz iaitu daripada kecil ke besar bergantung kepada jenis rotan dan pembuatannya. Bat/Pat merupakan tikar yang dianyam secara jaringan

antara belahan rotan yang disusun. Bat/Pat Dapit pula merupakan tikar yang dibentuk daripada belahan rotan yang susun selari dan dicucuk dengan tali secara sembilan puluh darjah di dalam belahan rotan tadi.

Panggilan umum tikar yang didefinisikan oleh Bahasa Malaysia merangkumi semua jenis tikar tanpa mengambilkira penggunaannya. Dalam hal ini, tikar untuk menjemur padi atau bahan lain dipanggil "taing" oleh Orang Ulu bagi mengelakkan penggunaan yang salah atau tidak menghormati tetamu. Pembuatan tikar oleh Orang Ulu sangat signifikan dalam penggunaannya kerana ia berkait rapat dengan hirarki atau susunan darjat di dalam masyarakat. Oleh yang demikian, masyarakat Orang Ulu sangat menitikberatkan penyediaan atau pemilikan tikar dalam sesebuah keluarga untuk mengelakkan tafsiran yang salah di kalangan masyarakat mereka atau orang lain yang memahami budaya kehidupan mereka bila berkunjung di rumah. Jenis dan corak tikar menjadi petunjuk penting di dalam masyarakat Orang Ulu untuk menggambarkan kehidupan sebenar yang wujud di dalam keluarga atau masyarakat itu sendiri.

Rotan untuk dibuat tikar ini boleh diwarnakan dengan pewarna semulajadi iaitu daripada tanah liat kehitaman, daun pokok *Bridelia* spp., buah rotan dan juga kulit kayu terutamanya daripada keluarga Myrtaceae.

Bahan asas pembuatan

Tikar boleh dibuat daripada bahan seperti rotan, bemban, buluh dan pandan. Namun kebiasaannya rotan merupakan asas bahan yang digemari untuk pembuatan tikar kerana ia lebih tahan, senang diwarna dan sangat selesa bila digunakan. Rotan yang digunakan adalah daripada jenis rotan Segah (Wai Seka atau wai telung). Selain itu bahan lain yang digunakan bagi tujuan pewarnaan seperti periuk dan tanah hitam dan daun kenidai (*Bridelia* sp.) untuk mendapatkan warna hitam, buah rotan untuk warna merah dan kulit Kadeng (*Syzygium* sp.).

Alatan yang digunakan

Penyediaan tikar rotan agak unik kerana memerlukan peralatan asas yang mempunyai fungsi yang berbeza bagi mendapatkan hasil yang menarik dan tahan. Jadual 1 dibawah merupakan senarai jenis alat dan fungsinya dalam pembuatan tikar.

Jadual 1. Alat dan fungsi alat

Bil.	Nama Alat	Fungsi
1	Jangat (Gambar atas)	Terdapat dua jenis "Jangat" iaitu tegak dan baring. Jangat tegak berfungsi untuk membentuk tepi rotan dan mendapatkan saiz yang sekata. Jangat baring untuk mendapatkan ketebalan rotang yang sekata.
2	Parang (Gambar tengah)	Untuk memotong panjang rotang yang diinginkan.
3	Pisau (Gambar bawah)	Untuk membelah rotan sesuai dengan saiz yang diperlukan.
4	Kesek	Untuk mendapatkan susunan anyaman yang padat dan selari.
5	Kayu Pemukul	Untuk mengetuk "Kesek" bagi mendapatkan kepadatan anyaman yang baik.
6	Solat	Untuk mendapatkan ruang di antara anyaman bila berlaku penyambung rotan dan mencucuk belahan rotan untuk menutup anyaman.
7	Gunting	Untuk memotong lebihan rotan bila proses anyaman selesai.



Gambar 1. *Alatan bagi penyediaan rotan*

Kaedah pembuatan

Rotan yang digunakan diambil dari dalam hutan. Rotan yang lurus dan sesuai akan dipotong mengikut panjang yang sesuai. Kulit luar atau kutikelnnya akan dikeluarkan dengan kaedah menggosokkan dan menarik sambil membengkokkan batang rotan pada kayu yang sesuai. Rotan yang telah dibersihkan kulit luar tadi akan dijemur sehingga kering dan kelihatan berwarna putih. Rotan yang sudah kering akan dibelah mengikut saiz yang sesuai dan akan diraut dengan pisau raut. Seterusnya alatan yang dipanggil “Jangat” akan digunakan untuk meratakan tepi rotan menggunakan dua bilah pisau yang disusun menegak dan akan meniipiskan belahan rotan mengikut ketebalan yang sesuai dengan menggunakan sekeping pisau yang diletakkan secara berbaring. Belahan rotan yang telah dinipiskan dan diratakan akan dianyam mengikut corak yang dihendaki.



Gambar 2. *Kaedah membuang kulit rotan*



Gambar 3. *Rotan dijemur*

Kadang-kadang rotan yang siap dinipiskan tadi boleh juga diwarnakan secara merebus rotan di dalam periuk yang mengandungi bahan seperti tanah hitam bercampur daun kenidai bagi mendapatkan warna hitam dan warna merah pula direbus ke dalam buah rotan sebelum dianyam. Semasa rotan dianyam, belahan rotan boleh dipadatkan dengan menggunakan “kesek” dengan memukul hujung pemegang “kesek” tadi. Apabila proses penyiapan tikar dilakukan, hujung rotan perlu dicucuk balik pada anyaman bagi mematkan hujungnya. Masa untuk menyiapkan sekeping tikar bergantung kepada saiz belahan rotan dan ketangkasan individu yang menganyam atau jumlah penganyam yang terlibat.



Gambar 4. *Rotan yang sudah dibelah*



Gambar 5. *Belahan rotan yang sedia untuk diratkan*



Gambar 6. *Mata "Jangat" baring*



Gambar 7. *Kaedah mendapatkan ketebalan rotan*



Gambar 8. Aktiviti menganyam tikar dilakukan di kawasan sesuai



Gambar 9. Tikar yang sedia untuk disiapkan dengan memamatkan tepi

Motif/Corak

Tikar putih merupakan tikar yang paling senang dan mudah untuk dibuat kerana tidak perlu kerja tambahan terutamanya aktiviti pewarnaan dan pembentukan corak juga jarang dibuat. Namun bagi mendapatkan corak dan motif yang lebih menarik dan harga yang lebih mahal maka belahan rotan perlu diwarnakan. Dengan adanya warna maka corak dan motif lebih jelas terbentuk bila dianyam. Antara motif yang biasa dibuat adalah gelombang, segiempat, diamond, bunga dan lain-lain. Namun bagi menunjukkan hierarki pembentukan motif seperti binatang dan manusia yang dicampurkan dengan ukiran Orang Ulu biasa juga dibuat.

Kegunaan dan kepercayaan

Tikar rotan segar digunakan untuk ruang tamu rumah atau sebagai alas tidur bagi tetamu yang istimewa. Rotan bercorak kehitaman sesuai bagi golongan yang bujang dan corak yang tanpa warna sesuai bagi yang telah berkeluarga. Terdapat juga tikar rotan terutamanya yang bercorak hierarki kehidupan akan digunakan semasa musim perayaan sahaja. Tikar yang telah digunakan selalunya dijemur sebelum dibalut dengan plastik untuk disimpan agar ia tidak mereput.

Harga kraftangan

Tikar rotan merupakan salah satu hasil kraftangan yang paling laris untuk dijual kerana ia sangat sinonim dengan aktiviti menyambut tetamu di rumah selain kini boleh dipotong untuk dijadikan kraftangan yang lebih kecil seperti dibuat beg tangan, dompet dan berbagai lagi. Harga yang biasa ditawarkan oleh pembuat tikar kepada pembeli antara RM10.00-RM15.00/kaki persegi dan boleh meningkat daripada RM30.00 – RM50.00/kaki persegi apabila sampai di tangan penjual di kedai kraftangan di Kuching.

Kesimpulan

Kraftangan Sarawak terutamanya tikar rotan memerlukan penjenamaan semula bagi mengiatkan lagi aktiviti pembuatannya selain meningkatkan pendekatan yang perlu dilakukan oleh pihak

bertanggungjawab bagi meningkatkan sumber asli bagi bahan asas kraftangan. Peningkatan mutu kraftangan dengan penggunaan teknologi kini dijangka akan membantu dalam pengkomersialan hasil kraftangan selain memberi pulangan yang lumayan kepada pengiatnya pada masa hadapan.

Rujukan

- Faridah Sahari, Raha Hj Hassan (2011) Plastik: Satu evolusi, inovasi atau ancaman dalam identiti seni kraftangan di sarawak. Fakulti Senis Gunaan & Kreatif, UNIMAS. 17 pp.
- Othman S (1989) Kraftangan: Pengenalan dan pendekatan. *Sarawak Museum Journal* **LX** (61), 117-125.